

PRAKATA



Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan Malaysia

Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Teluk Intan adalah merupakan Pelan Tindakan Jangka Panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap Teluk Intan. Pelan Induk ini diwujudkan bagi memastikan aspek landskap dititikberatkan dalam mana-mana jua pembangunan di samping memelihara sumber landskap setempat dan menyelaraskan pembangunan ke arah matlamat untuk menjadikan Malaysia negara taman terindah. Di samping itu, Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Teluk Intan menggariskan cadangan komprehensif dalam bentuk polisi, garis panduan, strategi dan cadangan projek bagi tempoh 10 tahun akan datang. Pelan Induk Landskap ini juga mampu menyokong pembangunan sektor landskap, pelancongan dan alam sekitar di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Adalah diharapkan supaya Pelan Induk Landskap ini akan dapat dijadikan sebagai garis panduan penting bukan sahaja kepada MPTI, malahan kepada agensi pelaksana yang lain seperti perunding landskap, pemaju-pemaju, orang perseorangan dan orang awam ke arah menjadikan Teluk Intan sebagai 'Bandar Warisan dalam Taman Pesisir Sungai'. Pelaksanaan dasar dan cadangan program yang diutarakan secara tidak langsung akan mempertingkatkan kualiti alam persekitaran yang membantu dalam menangani isu pemanasan global di samping menjana peluang pekerjaan dari segi pembangunan dan penyelenggaraan landskap.

Akhir kata, saya berharap agar semua pihak yang berkenaan dapat memanfaatkan dokumen ini sebagai garis panduan pembangunan landskap ke arah menjadikan Teluk Intan sebagai sebuah bandar yang indah dan selesa bukan sahaja untuk penduduk setempat bahkan kepada pelancong dari dalam dan luar negara. Kerjasama dari semua pihak adalah penting untuk membangunkan Teluk Intan sebagai destinasi pelancongan yang mementingkan warisan sejarah dan alam semulajadi. Kepada semua pihak yang telah menayakan kajian ini, saya ucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

.....
Dato' Haji Ismail bin Ngah
(KMN, DPMT)
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia

PRAKATA



Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Perak Darul Redzuan

Sejak lebih 127 tahun, Teluk Intan telah berkembang dari sebuah pekan kecil kepada pusat pentadbiran, pelabuhan dan pusat perdagangan di Hilir Perak. Aktiviti ekonomi telah merubah dan menyumbang kepada kepesatan perbandaran ini.

Sejak lebih seabad ini juga, terdapat tinggalan sejarah yang berpotensi untuk ditonjolkan sebagai warisan setempat. Ianya bukan saja untuk tujuan pelancongan malah lebih penting untuk pendidikan kepada generasi baru tentang kekayaan dan kepelbagaian warisan budaya penduduk Teluk Intan. Kedudukan Teluk Intan yang dikelilingi oleh sungai juga merupakan satu sumber warisan semulajadi yang perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam merancang persekitaran yang indah dan menarik.

Kedua-dua aspek ini amat penting di dalam perancangan dan pembangunan Teluk Intan secara keseluruhannya untuk generasi masa kini dan masa depan. Pelan Induk Landskap ini juga turut memperhalusi kedua-dua aspek tersebut untuk diambil kira dalam perancangan pembangunan Teluk Intan.

Dengan ini, saya amat berharap kepada semua pihak yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan supaya merujuk kepada Pelan Induk Landskap agar cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat dilaksanakan secara bersama ke arah menjadikan Teluk Intan 'Bandar Warisan Dalam Taman Pesisir Sungai'.

Saya percaya dengan kerjasama semua pihak, wawasan untuk menjadikan Teluk Intan sebagai 'Bandar Warisan Dalam Taman Pesisir Sungai' akan dapat dicapai dengan jayanya. Sama-samalah kita mengingati bahawa segala apa yang kita bangukan hari ini adalah merupakan warisan untuk generasi akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Landskap Negara, jabatan-jabatan teknikal, pihak perunding dan lain-lain yang telah terlibat di dalam menyediakan laporan ini.

Sekian, terima kasih.

'Teluk Intan – Bandar Warisan Dalam Taman Pesisir Sungai'

Hj. Ibrahim Bin Hj. Ahmad, PCM., AMP.
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan